

PM arah sediakan laporan, kajian isu pensijilan halal

Mohd Na'im
dijangka bentang
hasil wajibkan
restoran miliki
sijil minggu depan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri mengarahkan Menteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menyediakan laporan berhubung isu berkaitan mewajibkan restoran memiliki sijil halal.

Laporan berkenaan dijangka

dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet pada minggu depan.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Mohd Na'im menyediakan laporan itu ketika mempengerusikan mesyuarat Kabinet semalam.

"Perdana Menteri sudah meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menyediakan laporan, apakah langkah seterusnya untuk dibentangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan.

"Jadi, kita akan tunggu hasil laporan dan kajian daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang akan dibentangkan minggu depan," katanya pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Isu pensijilan halal menjadi polemik selepas media sebelum ini melaporkan, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok, berkata pensijilan halal seharusnya bersifat sukarela untuk membolehkan pengusaha membuat keputusan berdasar permintaan pasaran, bukan dilaksana secara paksa.

Beliau dipetik mendakwa, cadangan mewajibkan restoran dan syarikat makanan untuk memiliki sijil halal hanya akan menambah kesukaran operasi perniagaan serta beban kepada perniagaan kecil.

Cadangan terus dibincang

Ia sebagai reaksi kepada kenyataan Mohd Na'im sebelum itu bahawa JAKIM sedang mengkaji cadangan untuk mewajibkan restoran serta syarikat makanan Muslim dan bukan Muslim yang

tidak menjual daging babi dan alkohol memiliki sijil halal.

Kenyataan Teresa itu juga menerima teguran Perdana Menteri kerana tidak sepatutnya dilakukan secara terbuka, sebaliknya melakukannya dalam perbincangan.

Ditanya sama ada cadangan itu ada dibincang pada mesyuarat Jemaah Menteri sebelum diumumkan kepada orang ramai, Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan menjelaskan, isu berkaitan sijil halal ada dibincangkan dari semasa ke semasa.

"Isu pensijilan halal memang dari semasa ke semasa dibincangkan, terutama dari segi pelaksanaan tetapi dari segi dasar, kita perlu tunggu pembentangan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) minggu depan," katanya.